

08/09/1997

Jangan harap balasan: Mahathir

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan ahli Umno jangan terlalu mengharap balasan dalam perjuangan politik, sebaliknya harus lebih berpuas hati kerana perjuangan dalam Umno memberikan hasil yang tidak ternilai harganya kepada agama, bangsa dan negara.

Presiden Umno berkata, balasan kepada sesuatu perjuangan ialah hasil yang digarap daripadanya.

"Kita harus berasa lebih puas hati kerana perjuangan kita dalam Umno sudah dapat bawa hasil yang tidak ternilai harganya.

"Daripada satu bangsa penanam padi dan penoreh getah, daripada satu bangsa yang pernah dijajah dulu, menjadi kuli kepada orang lain.

"Hari ini kita sudah menjadi tuan sendiri. Kita menjadi satu bangsa yang dihormati, tidak lagi dipandang hina dan rendah," katanya ketika menggulung perbahasan di Perhimpunan Agung Umno, petang ini.

"Itulah balasan yang sebenar dan itu yang sepatutnya memuaskan hati kita.

"Tak mungkin kita dapat bayaran yang setimpal dengan kepuasan hati, hasil daripada kejayaan perjuangan kita sehingga kini," katanya merujuk kepada kecenderungan mendapatkan sesuatu di kalangan ahli politik.

Menurut Perdana Menteri, ramai yang bersungut tidak mendapat apa-apa selepas sekian lama berjuang dalam politik.

Walaupun ada yang dapat menjadi perdana menteri, menteri, wakil rakyat, ahli dewan undangan negeri serta pelbagai jawatan lagi dan dapat kerja itu dan ini, ramai yang mendakwa tidak mendapat apa-apa selepas berjuang begitu lama.

"Tetapi ini tidak benar. Kalau kita ukur dan kita hendak khidmat kita dibalas dengan sesuatu bagi diri kita, maka kita akan selama-lamanya kecewa," katanya.

Dr Mahathir juga memberitahu perwakilan, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menjadi timbalannya sekarang, ialah bakal penggantinya sebagai Presiden Umno dan Perdana Menteri.

"Saya anggap tepukan itu sebagai satu sokongan kepada keputusan yang dibuat oleh saya kerana saya berharap apabila saya berundur kemudian, entah bila, saya ingin menyerahkan Umno ini sebulat, semua sekali kepada orang yang akan mengambil alih kepimpinan," katanya.

(END)